

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
[Bachok]

TARIKH : 10 November 2014 (Isnin)

SOALAN : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis-jenis dan bahaya racun yang terkandung dalam sayur-sayuran yang dibawa masuk dari Thailand. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan rakyat mendapat sayur-sayuran yang bebas racun.

JAWAPAN :

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhimatian Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) hanya melaksanakan pengambilan sampel secara rawak bagi setiap ‘consignment’ bertujuan untuk kawalan perosak. Setakat Jun 2014, sampel yang telah diambil adalah sebanyak 1079 dan 273 didapati tidak mematuhi kawalan perosak.

Manakala, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab untuk memastikan makanan adalah selamat melalui penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Bagi memastikan sayur-sayuran import tidak mengandungi residu racun perosak melebihi paras yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan selamat untuk dimakan, KKM menjalankan pemantauan secara berterusan ke atas sayur-sayuran import termasuk sayur-sayuran dari Thailand. Hasil pemantauan residu racun perosak ke atas sayur-sayuran yang diimport dari Thailand bermula bulan Januari 2010 sehingga sekarang mendapati sebanyak empat pelanggaran dikesan. Residu racun perosak yang dikesan adalah metamidofos, protiofos dan parathion-ethyl [dua (2) pelanggaran].

Tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas pengimport terlibat bagi memastikan sayur-sayuran yang mengandungi residu racun perosak melebihi paras yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 tidak diimport.

Kerajaan memberi jaminan bahawa sayur-sayuran yang diimport ke negara ini sentiasa dipantau dan dipastikan keselamatannya selaras dengan peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.